

# UMS galak PPUMS bergiat aktif dalam aktiviti berpersatuan

Oleh S.CONNIE PEARL SUIL

conyppearl09@gmail.com

16 04 07 2012 B4

UNIVERSITI

Malaysia Sabah

(UMS) menggalakkan semua pegawai dalam kumpulan Pengurusan dan Profesional Bukan Akademik (PPUMS) supaya bergiat aktif dalam aktiviti berpersatuan.

Naib Canselor UMS, Prof. Dr Mohd Harun Abdullah berkata aktiviti berpersatuan adalah medan dalam menguji semangat kerja berpasukan, keutuhan sifat kepimpinan serta keupayaan melaksanakan tanggungjawab.

Menurutnya, aktiviti itu merupakan batu loncatan untuk pergi lebih jauh dalam kemajuan kerjaya seseorang.

"Kita tidak boleh terus menjadi apologistik dan



**HARUN menyempurnakan perasmian majlis itu.**

retorik jika ingin melihat ahli Persatuan PPUMS terus berjaya tanpa menghadapi sebarang masalah dan ketegangan.

"Oleh itu, revolusi minda dalam kalangan PPUMS perlu ada supaya kita dapat melonjak ke tahap yang lebih tinggi," katanya pada majlis perasmian Mesyuarat Agung

Tahunan PPUMS kali ke-6, di sini kelmarin.

Harun juga menegaskan bahawa nilai keupayaan bersama yang tinggi dalam kalangan PPUMS, dapat mempermudah urusan pentadbiran dan melancarkan perjalanan sesebuah universiti.

Justeru, katanya, pihak pengurusan universiti akan sentiasa memberikan sokongan penuh terhadap apa jua aktiviti PPUMS yang dapat memberikan impak yang tinggi kepada universiti, masyarakat dan negara.

Turut hadir, Pendaftar UMS, Mejar (K) Datuk Abdullah Mohd Said, Presiden PPUMS, No'man Ahmad, Ketua Biro Kebajikan PPUMS, Azmi Jumat dan tetamu kehormat yang lain.



**HARUN (dua, kanan) menerima cenderahati daripada Norman. Turut kelihatan Abdullah (kanan).**



**AHLI PPUMS yang menghadiri mesyuarat tersebut.**



**NORMAN (dua kiri) menyampaikan Mock Cek kepada Azmi sambil disaksikan oleh Harun (tengah).**